



PEKELILING PERKHIDMATAN BIL. 3 TAHUN 1988

**SKIM JAWATAN KUMPULAN DI BAWAH PROGRAM
PEMBANGUNAN AHLI SUKAN DI MAJLIS
SUKAN NEGARA**

1. TUJUAN

1.1 Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan untuk menentukan kaedah-kaedah pelaksanaan Skim Jawatan Kumpulan Ahli Sukan di bawah Program Pembangunan Ahli Sukan Negara di Majlis Sukan Negara.

2. LATAR BELAKANG

2.1 Kerajaan telah bersetuju mewujudkan Skim Jawatan Kumpulan Ahli Sukan di Majlis Sukan Negara yang berkuatkuasa mulai 1 Januari 1988. Tujuan mengadakan Skim tersebut ialah bagi membolehkan Majlis Sukan Negara menjalankan pengambilan ahli sukan, jurulatih sukan atau pegawai sukan untuk berkhidmat atau berlatih sepenuh masa di Majlis Sukan Negara sebagai persiapan pasukan negara bagi menghadapi pertandingan-pertandingan sukan antarabangsa. Pengambilan untuk menyertai Skim ini melibatkan kakitangan Kerajaan, pekerja sektor swasta dan orang perseorangan. Bagaimanapun kaedah-kaedah pelaksanaan Skim Jawatan Kumpulan Ahli Sukan Negara yang dijelaskan di dalam Pekeliling Perkhidmatan ini hanyalah melibatkan kakitangan Kerajaan sahaja.

3. OBJEKTIF

3.1 Objektif utama diwujudkan Skim Jawatan Kumpulan Ahli Sukan Negara di Majlis Sukan Negara adalah seperti berikut:

- (a) menempatkan pegawai, jurulatih dan ahli sukan di bawah satu pengurusan bagi mengurus dan menjalani latihan sepenuh masa yang memberi keutamaan kepada peningkatan mutu sukan ke arah kecermelangan;
- (b) menyelesaikan masalah cuti mereka apabila dikehendaki menghadiri satu-satu latihan atau pertandingan sukan di dalam atau di luar negeri;
- (c) membolehkan pengambilan dilaksanakan dengan lebih teratur daripada individu yang terdiri daripada kakitangan Kerajaan, pekerja swasta atau orang perseorangan;

- (d) memberikan insentif kepada individu-individu berkenaan supaya lebih berdedikasi dalam mengurus dan menjalani latihan sukan; dan
- (e) memudahkan sistem pengawasan ke atas program-program kemajuan sukan yang telah dirancang oleh Majlis Sukan Negara.

4. KAEDAH-KAEDAH PERLAKSANAAN

4.1 Bagi membolehkan Skim Jawatan Kumpulan Ahli Sukan Negara di bawah Program Pembangunan Ahli Sukan di Majlis Sukan Negara ini berjalan dengan lancar dan teratur, Majlis Sukan Negara akan bertanggungjawab menguruskan pengambilan bagi menjalankan tugas-tugas sepenuh masa sebagai ahli sukan, jurulatih atau pegawai sukan. Kakitangan Kerajaan akan diambil berkhidmat di Majlis Sukan Negara secara pinjaman.

4.2 Di dalam mengendalikan pinjaman kakitangan Kerajaan, Majlis Sukan Negara terlebih dahulu akan mengenalpasti kakitangan yang berkenaan. Selepas itu, Majlis Sukan Negara akan menghubungi Kementerian/Jabatan di mana mereka berkhidmat bagi mendapatkan persetujuan melepaskan kakitangan berkenaan berkhidmat di Majlis Sukan Negara. Bagi memudahkan urusan pengambilan ini, Kementerian/Jabatan hendaklah mengemukakan maklumat kakitangan berkenaan kepada Majlis Sukan Negara seperti berikut:

- (a) surat Kementerian/Jabatan yang menyatakan bersetuju melepaskan kakitangan mereka berkhidmat di Majlis Sukan Negara;
- (b) maklumat peribadi pegawai yang dipilih;
- (c) Kenyataan Perkhidmatan pegawai yang kemaskini; dan
- (d) Laporan Nilai Prestasi Khas pegawai.

4.3 Majlis Sukan Negara setelah mendapat maklumat-maklumat yang lengkap akan mengemukakan perakuan selanjutnya ke Jabatan Perkhidmatan Awam untuk mendapatkan persetujuan mengenai syarat-syarat perkhidmatan pinjaman kakitangan tersebut. Kemudian Majlis Sukan Negara akan mengeluarkan surat tawaran perlantikan secara pinjaman melalui Ketua Jabatan untuk persetujuan kakitangan yang berkenaan.


5. PERANAN KEMENTERIAN DAN JABATAN

5.1 Semua Kementerian/Jabatan yang dihubungi oleh Majlis Sukan Negara mengenai pemilihan kakitangan mereka untuk menyertai skim ini hendaklah memberikan kerjasama sepenuhnya demi kepentingan kemajuan sukan negara dengan melepaskan mereka dan menyampaikan maklumat-maklumat seperti yang dinyatakan di perenggan 4.2 (a) hingga (d).

5.2 Kementerian/Jabatan yang berkenaan hendaklah juga memohon kepada Bahagian Perjawatan, Jabatan ini untuk mewujudkan jawatan tambahsentara yang sama grednya dengan jawatan pegawai yang dipinjamkan selaras dengan peraturan di dalam Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 15 Tahun 1971.

6. PEMAKAIAN

6.1 Pekeliling Perkhidmatan ini adalah dipanjangkan pemakaiannya kepada Pentadbiran Kerajaan Negeri, Badan-badan Berkanun dan Penguasa-penguasa Tempatan.



(TAN SRI DATO' ALWI JANTAN)
*Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,
Malaysia*

Tarikh: 31 Julai 1988.

Semua Ketua Setiausaha Kementerian

Semua Ketua Jabatan Persekutuan

Semua Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan

Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri

Semua Ketua Pengurusan Badan-badan Berkanun

Semua Ketua Pengurusan Penguasa-penguasa Tempatan